**JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA**
Ibu Pejabat Kastam Diraja Malaysia,
Bahagian Kastam,
Aras 4 Utara, Kompleks Kementerian Kewangan,
No. 3, Persiaran Perdana, Presint 2,
62596 Putrajaya,
MALAYSIA.

No. Tel : 03-8882 2757
No. Fax : 03-8889 5866
Laman Web : www.customs.gov.my

Ruj. Kami: KE.HE (-) 515/11-29Klt.5 (29)
Tarikh : 12 Ogos 2011

**SENARAI EDARAN SEPERTI DI LAMPIRAN 1**

**PELAKSANAAN PROJEK PENGHANTARAN STATUS *HANGING DOCUMENT* (HD) KE SISTEM *FRONT-END***

Saya adalah dengan hormatnya merujuk kepada perkara tersebut diatas.

2. Sukacita dimaklumakan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) dengan kerjasama Dagang Net Technologies Sdn. Bhd (DNT) telah melaksanakaan projek perintis HD dengan 35 agen yang terpilih selama tiga bulan mulai **01 Mac 2011 sehingga 31 Julai 2011.** Dengan ini, kesemua agen-agen yang terlibat dalam projek perentis telah berjaya menerima maklumat secara elektronik mengenai HD dari Sistem Maklumat Kastam (SMK).

3. Dengan adanya kemudahan ini pihak pengikrar akan menerima maklumat secara elektronik, HD yang perlu diambil tindakan oleh pengikrar. Di bawah inisiatif ini pengikraran kastam di takrifkan sebagai HD apabila tiada perubahan dalam *status* pengikraran Kastam selepas 14 hari dari *status* terakhir. SMK akan memantau pengikraran mulai **15 Ogos 2010.** Ini bermakna pengikrar akan menerima HD1 pertama, jika ada, pada **29 Ogos 2011**. Status-status yang dimaksudkan adalah seperti di **Lampiran A.** Projek HD ini memperkenalkan tiga (3) Kod Status SMK sepertimana yang disenaraikan dibawah:

| Bil. | Kod Status | Keterangan |
|---|---|---|
| 1. | **HD1** | SMK akan menjana kod ini jika tiada perubahan dalam kod status pengikraran kastam melebihi **14 hari**. Sila rujuk pada Lampiran A untuk keterangan lanjut. Kod ini akan dihantar kepada klien jabatan (agen penghantaran/ pengimport/ pengeksport) secara elektronik. |
| 2. | **HD2** | SMK akan menjana kod ini dan menghantar kepada klien jabatan jika masih tiada perubahan dalam status pengikraran selepas **14 hari** daripada kod status HD1 dikeluarkan. |
| 3. | **HDC** | SMK akan menghantar kod ini kepada klien yang berkaitan apabila pegawai JKDM mengambil tindakan untuk membatalkan pengikraran kastam dengan kod status HD1 atau HD2. |

4. Dengan adanya maklumat ini pihak pengikrar hendaklah mengambil tindakan untuk menyelesaikan HD dengan stesyen Kastam berkenaan dengan mengisi **Borang Pembalatan HD** seperti di **Lampiran B.**

5. Satu sesi *awareness* akan diadakan oleh pegawai-pegawai Cawangan Teknologi Maklumat (CTM) Negeri untuk pelanggan Jabatan dengan kerjasama DNT.

Sekian, terima kasih

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

**(D. Martin Joseph)**
Penolong Kanan Pengarah Kastam II
Bahagian Perkastaman
b.p. Ketua Pengarah Kastam
Malaysia.

S. k. 1. **Y. Bhg. Dato' Sri Ketua Pengarah Kastam, Malaysia**

2. Y.Bhg. Dato' Timbalan Ketua Pengarah Kastam
(Penguatkuasaan dan Pematuhan)

3. Y.Bhg. Dato' Timbalan Ketua Pengarah Kastam
(Perkastaman & Cukai Dalam Negeri)

4. Y.Bhg. Dato' Penolong Ketua Pengarah Kastam
(Penguatkuasaan)

5. Semua Pengarah Kastam Negeri

6. Timbalan Pengarah Kastam
CTM, Ibu Pejabat JKDM, Putrajaya

7. Penolong Kanan Pengarah Kastam I
Unit CVI
Bahagian Perkhidmatan Teknik,
Ibu Pejabat JKDM Putrajaya

**Lampiran A**

**RESPON HD AKAN DIKELUARKAN UNTUK PENGIKRARAN KASTAM DENGAN KOD STATUS BERIKUT YANG TIDAK BERUBAH DALAM TEMPOH 14 HARI**

| Bil | Pengikraran Kastam | Kod Respon | Keterangan Kod |
|---|---|---|---|
| 1 | K1, K2, K9 | 00 | *Registered* |
| | | 10 | *Registered without manifest* |
| | | 14 | *Register with query* |
| | | 15 | *Query* |
| | | 16 | *Physical Examination* |
| | | 17 | *Query & Physical Examination* |
| | | 20 | *Approved* |
| 2 | K3 dan K8 | 00 | *Registered* |
| | | 10 | *Registered without manifest* |
| | | 14 | *Register with query* |
| | | 15 | *Query* |
| | | 16 | *Physical Examination* |
| | | 17 | *Query & Physical Examination* |

Lampiran B

# BORANG PERHOMONAN PEMBATALAN HD1

Pengarah Kastam Negeri ...
(alamat)

Tuan,

**PERMOHONAN UNTUK MEMBATALKAN HANGING DOCUMENT**

Bersama-sama ini saya sertakan senarai hanging document seperti berikut untuk dibatalkan dari Sistem Maklumat Kastam (SMK).

| MAKLUMAT HANGING DOCUMENT YANG DI POHON DIBATAKLAN | | | |
|---|---|---|---|
| **Bil.** | **No. Daftar Borang Ikrar** | **Ulasan / sebab** | **Catatan** |
| | | | |
| | | | |
| | | | |
| | | | |
| | | | |
| | | | |
| | | | |
| | | | |

Sekian, terima kasih.

Tabdatangan

Nama Pemohon

Syarikat

Jawatan

Tarikh